

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]**

**TARIKH : 20.3.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 68**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status permohonan untuk dua buah flat guru lama di kawasan bandar Labuan untuk ditukar kepada pusat Tingkatan 6 mode 1.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum dan sentiasa memberi perhatian terhadap permohonan ubah suai naik taraf Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) di Wilayah Persekutuan Labuan untuk dijadikan Kolej Tingkatan Enam Mod 1.

Untuk makluman KPM telah mengemukakan permohonan peruntukan ubah suai tersebut melalui *Rolling Plan 2020 Rancangan Malaysia Ke-11* untuk kelulusan agensi pusat. Proses tukar guna KIP tersebut akan dilaksanakan melalui prosedur yang ditetapkan oleh KPM setelah peruntukan ubah suai diluluskan oleh agensi pusat.

Sekian, terima kasih

RJM 50